



MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
[JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN]
- PEKELILING -

selangorku

"KEJUJURAN DAN KETEKUNAN"

Fail : MBSA/PTD/SM/100-1/1 Jld. 3 (**33**)

Tarikh : 30 Julai 2013
21 Ramadhan 1434H

Kepada;

Ahli Majlis dan Warga Kerja
Majlis Bandaraya Shah Alam

Tuan/ puan,

BAYARAN BONUS HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 2013/ 1434H

Dengan hormatnya keputusan Mesyuarat Majlis yang telah diadakan pada 30 Julai 2013 mengenai Bayaran Bonus Hari Raya Aidilfitri Tahun 2013/ 1434H adalah dirujuk.


2. Adalah dimaklumkan Majlis di dalam mesyuaratnya yang telah diadakan pada 30 Julai 2013 telah meluluskan pemberian Bonus Hari Raya Aidilfitri Tahun 2013/ 1434H sebanyak sebulan gaji kepada semua Ahli Majlis, pegawai dan kakitangan Majlis Bandaraya Shah Alam. Pembayaran bonus ini akan dibuat pada **31 Julai 2013**.
3. Pembayaran Bonus Hari Raya Aidilfitri Tahun 2013/ 1434H ini diberi kepada semua Ahli Majlis, Pegawai dan Kakitangan Majlis Bandaraya Shah Alam yang layak dan **masih berkhidmat pada 24 Julai 2013**.
4. Pegawai dan Kakitangan yang **layak** menerima bonus ini adalah seperti berikut:
 - i. Ahli Majlis;
 - ii. Pegawai Tetap, Sementara dan Pekerja Sambilan Harian (PSH);
 - iii. Pegawai yang dilantik di bawah Contract of Service dan Contract for Service;
 - iv. Pegawai yang bercuti separuh gaji;
 - v. Pekerja Sambilan Harian (PSH) akan dibayar berdasarkan kepada jumlah hari bekerja (*proportionate*) pada bulan Julai 2013;
 - vi. Pegawai Perkhidmatan Persekutuan (OSC dan COB) yang penempatannya di Majlis Bandaraya Shah Alam. Pembayaran ini akan ditolak RM500.00 sebagai pelarasan kepada Bayaran Bantuan Khas Kewangan yang dibayar oleh pihak Kerajaan Persekutuan.
5. Sementara itu pegawai yang **tidak layak** menerima bayaran bonus ini adalah seperti berikut:
 - i. Pegawai yang mengambil cuti tanpa gaji sepanjang tempoh 1 Januari 2013 hingga 23 Julai 2013;
 - ii. Pegawai yang berkhidmat di agensi yang diasingkan pengurusan saraannya sepanjang tempoh 1 Januari 2013 hingga 23 Julai 2013;

- iii. Pegawai yang dipinjamkan ke badan antarabangsa atau syarikat swasta sepanjang tempoh 1 Januari 2013 hingga 23 Julai 2013;
- iv. Pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam atau demi kepentingan perkhidmatan awam dalam tempoh 1 Januari 2013 hingga 23 Julai 2013;
- v. Pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib selain daripada hukuman amaran dalam tempoh 1 Januari 2013 hingga 23 Julai 2013.
- vi. Pegawai yang **ditangguhkan** pemberian bonus ini adalah pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja, atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib. Pegawai hanya layak dibayar bonus sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah atau pegawai hanya dikenakan hukuman amaran.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

*** BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ***

Saya yang menjalankan tugas,



(MOHTAR BIN HANI)
Timbalan Datuk Bandar

s.k. - Datuk Bandar